



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 (50)

Tarikh : **3** April 2014

Semua Staf
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
Kuala Lumpur

YBhg. Dato', Prof, Prof Madya, Dr, Tuan, Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2014
PELAKSANAAN ARAHAN LARANGAN MEROKOK
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bil.3 Tahun 2014 yang telah bersidang pada 18 Mac 2014 berhubung kelulusan pelaksanaan arahan larangan merokok Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

2.0 PENGENALAN

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia telahewartakan senarai kawasan larangan merokok sepertimana yang terkandung di dalam **Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U.(A)324/2004]** dan **Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2008 [P.U.(A)315/2008]**. Merujuk kepada warta tersebut, sesiapa yang didapati bersalah kerana melanggar peraturan ini boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti didenda sehingga RM10,000 atau dipenjara sehingga dua (2) tahun.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Peraturan

3.1.1 Berdasarkan **Peraturan–peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U.(A)324/2004]** dan **Peraturan–peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2008 [P.U.(A)315/2008]** di dalam Senarai Kawasan Larangan Merokok yang diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia termasuklah:-

Tempat Dilarang Merokok

11. (1) Tiada seorang pun boleh merokok:-

(j) di mana-mana kawasan di dalam suatu institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi.

3.1.2 Merujuk kepada peraturan tersebut, semua staf dan pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia adalah **dilarang** untuk merokok di mana-mana kawasan kampus Universiti seperti yang diwartakan.

3.2 Denda

3.2.1 Sebarang pelanggaran peraturan, staf dan pelajar boleh dikenakan tindakan denda seperti berikut:

- (i) Kesalahan kali pertama akan dikenakan amaran secara lisan;
- (ii) Kesalahan kali kedua akan dikenakan denda sebanyak RM 100-00; dan
- (iii) Kesalahan kali ketiga akan dikenakan denda sebanyak RM 200-00.

3.2.2 Manakala bagi kesalahan kali keempat atau berturut-turut, staf dan pelajar Universiti boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti berikut:-

(i) **Bagi pelajar Universiti**

Dikenakan mana-mana tindakan Tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Universiti.

(ii) **Bagi staf Universiti**

Dikenakan tindakan Tatatertib yang sewajarnya tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa berdasarkan kepada Akta 605 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj).

4.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeling ini berkuatkuasa mulai **serta-merta**.

5.0 RUJUKAN

Peraturan–peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U.(A)324/2004] dan Peraturan–peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2008 [P.U.(A)315/2008].

6.0 PENUTUP

Pelaksanaan arahan ini hanya terpakai di UPNM sahaja.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Yang benar,



MOHD BAKHARI BIN M.YASIN
Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

s.k Naib Canselor
TNC Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
PNC Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat
PNC Penyelidikan dan Inovasi
Pegawai - Pegawai Kanan
Dekan – Dekan Fakulti
Pengerusi GPTI
Pengerusi NADIMASA
Pengerusi KESUPNA